

**B
A
B

T
I
G
A**

PENCEROBOHAN
HAK ASASI MANUSIA
DI MALUKU

BAB 3: PENCEROBOHAN HAK ASASI MANUSIA DI AMBON, MALUKU

3.1 Pendahuluan

Daerah Kepulauan Maluku, merupakan daerah terbaru sekali berlakunya konflik berbanding daerah-daerah lain di Indonesia. Bermula dengan konflik di Timur Timor, Irian Jaya, Kalimantan dan Maluku. Konflik-konflik ini nampak seolah-olah ada hubungan di antara satu wilayah dengan wilayah-wilayah yang lain. Namun sebenarnya, terdapat banyak perbezaan tentang sebab, pihak-pihak yang terlibat dan kesan konflik di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain.

Punca asal kepada semua konflik ini ialah wujudnya budaya '*pela gandong*' yang mengundang perkelahian apabila umat Islam selalu dilayan secara tidak adil, ketidakstabilan dalam penguasaan bidang pekerjaan tertentu antara penduduk Islam serta Kristian dan usaha penduduk Kristian untuk mewujudkan sebuah negara merdeka terasing di bawah RMS.

Kini dari punca masalah yang sepatutnya boleh diselesaikan, tetapi disebabkan penyelesaian yang kurang bijak oleh pihak berkuasa Indonesia mengakibatkan persoalan ini semakin meruncing dari hari ke sehari, di tambah pula dengan wujudnya permasalahan dalam sistem politik dan pemerintahan Indonesia hari ini, krisis ekonomi yang semakin meruncing, jumlah penduduk yang terlalu ramai, rakyatnya pula sentiasa terdesak dengan sistem hidup yang ketinggalan dari segala aspek dan wujudnya diskriminasi dari golongan

pemerintah terhadap sebahagian penduduk, menjadikan konflik ini seolah tiada penghujungnya.

Umpama retak yang menunggu belah, perkelahian individu menjadi percikan api yang membakar timbunan sampah, ia akhirnya melarat menjadi konflik agama, namun pada hakikatnya ia merupakan perancangan rapi pihak gereja terutama Gereja Protestant Maluku (GPM) Ambon, yang dikuasai oleh penganut agama Kristian Ambon.¹ Konflik Islam Kristian di Maluku saat ini, memang telah menyeret banyak pihak ke dalam kancah perang yang tidak kunjung kesudahannya. Semakin lama bukan semakin reda, malah semakin banyak pihak yang terlibat, daerah konfliknya semakin luas dan senjata yang digunakan juga semakin canggih.

Konflik berdarah yang melibatkan penduduk beragama ini, walau berskala tempatan, namun telah mengakibatkan korban pembunuhan yang luar biasa. Ribuan nyawa manusia di cabut, ratusan masjid dan gereja dihancurkan, rumah-rumah penduduk dibakar, harta benda dilenyapkan dan puluhan ribu wanita dan orang tua serta anak-anak menjadi penghuni di tempat-tempat pelarian. Malangnya tindakan pemerintah dalam hal ini sangat lembab dan sama sekali tidak memuaskan.

Bermula dari faktor-faktor di ataslah mendorong penulis untuk membuat kajian, terutama di Daerah Kota Ambon, Maluku yang merupakan ibu negeri dan

¹ Pos Keadilan Peduli Umat, Parti Keadilan Indonesia, <http://www.geocities.com/capeCanaveral/Hall/5557/ambon2.html> pada 11.9.2001

pusat pentadbiran bagi Wilayah Maluku sebagai pusat bagi kajian ini. Walau bagaimanapun penulis akan menyentuh secara ringkas perkaitan dan kesan pencerobohan hak asasi manusia yang berlaku di Ambon ini dengan daerah-daerah lain di sekelilingnya. Dalam bab ini, penulis akan mengkaji mengenai punca konflik, pihak-pihak yang terlibat dengan konflik, bentuk-bentuk pencerobohan hak asasi manusia yang berlaku dan kesannya kepada penduduk setempat.

3.2 Bermulanya Konflik Agama di Maluku

Konflik yang bermula pada 19 Januari 1999² hinggalah kini itu, telah menyebabkan kematian 10,000 ribu jiwa dan memaksa lebih 692,000 penduduk meninggalkan rumah mereka. Namun sebelum berlakunya rusuhan pada 19 Januari 1999 terdapat beberapa peristiwa yang mempunyai hubungkait sehingga terjadinya konflik yang lebih besar di Ambon, antaranya:³

- a. Kes Wailete, (Desa Wailete adalah perkampungan yang dihuni oleh masyarakat Bugis, Buton dan Makassar yang terkenal gigih dalam mencari nafkah) di mana penganut Kristian telah membangkitkan rusuhan di majlis perkahwinan suku Bugis, Buton dan Makassar pada 13 Disember 1998 yang kemudiannya melarat kepada serangan ke seluruh kampung

² Temubual dengan *En. Munawar Abdul Jalil*, Ketua/Konsulat Central Informasi Referendum Aceh di Malaysia pada 27.12.2001 di APIUM, dan temubual dengan *Dr. H.M. Hidayat Nurwahid, MA*, Presiden Partai Keadilan di Indonesia pada 23hb. Jun 2001 di Dewan Utama Kejuruteraan, Universiti Malaya lihat juga Human Rights Watch, <http://www.hrw.org/campaigns/indonesia/moluccas.html> pada 20.4.2001 dan The age.au.com, <http://www.theage.com.au/news/20000621/A22220-2000Jun20.html> pada 20.4.2001

³ Rustam Kastor (2000), *Fakta, Data dan Analisa Konspirasi Politik RMS dan Kristen Menghancurkan Ummat Islam di Ambon – Maluku*, Yogyakarta, Wihdah Press, h: 112-113

dan membakar rumah, penghuninya lari menyelamatkan diri sehelai sepinggang. Kes ini tidak berjaya diselesaikan oleh pihak polis Indonesia.

- b. Kes Bak Air pada 27 Disember 1998, masyarakat Islam di Kampung Air Tawiri (lebih kurang 10 buah rumah) di halau dan diserang oleh masyarakat Kristian Tawiri dengan alasan salah seorang penduduk Islam kampung Air Tawiri itu telah membaling batu seekor babi milik penduduk Kristian yang memasuki kebun milik penduduk Islam.

Kedua-dua kes ini berlaku sebelum memasuki bulan Ramadhan. Dan sebelum kes ini melarat, telah beberapa kali pemimpin Islam dan Kristian melakukan dialog bagi mengatasi masalah-masalah terbabit, namun semuanya menemui jalan buntu kerana pihak penganut Kristian selalu menuduh penganut Islam yang memulai pergaduhan.⁴ Akhirnya, lebih kurang pukul 2.00 petang WIT (Waktu Indonesia Timur) seorang lelaki bernama Yopie Saiya (berasal dari Aboru, beragama Kristian) telah memeras ugut Usman seorang pemandu (bangsa Bugis, beragama Islam). Kes ini berlanjutan, di mana Yopie telah mengejar Usman dengan parang panjang dan Usman telah melarikan diri ke Kampung Batu Merah. Akhirnya terjadi pergaduhan di antara penduduk Kampung Aboru dan Batu Merah menyebabkan dua buah rumah dan sebuah bengkel motosikal terbakar.⁵

⁴ Ibid, h: 114

⁵ Ibid, h: 62

Kes kecil inilah, dianggap sebagai mencurahkan minyak ke dalam api hingga tercetusnya perang agama di antara pihak Islam dan Kristian, kerana sebelumnya ia umpama retak menunggu belah. Ini kerana dua orang yang terlibat merupakan dua orang yang berlainan agama, di mana Yopie adalah beragama Kristian manakala Usman beragama Islam. Jika berdasarkan fakta kes, nyata bahawa individu Kristian yang telah memulakan perkelahian.

Bermula dari kes 19 Januari 1999(hari raya pertama) itulah, di Desa Batu Merah bermulalah serangan oleh penganut agama Kristian, keatas umat Islam selanjutnya. Pada pukul 6.00 –8.00 malam hari yang sama, terjadi serangan di hampir semua perkampungan masyarakat Islam di Kota Ambon. Contohnya pada pukul 6.00 petang (Maghrib lebih kurang 6.45 petang) jam 6.00 petang WIT, penganut agama Kristian telah melempar batu dan bom molotov ke arah kampung Diponegoro dan Kampung Batu Merah. Pada jam yang sama juga jalan-jalan masuk ke kampung itu telah disekat oleh penganut agama Kristian, dengan tujuan untuk mengawasi kenderaan-kenderaan yang keluar masuk. Kereta, motorsikal dan beca milik umat Islam yang lalu di kawasan orang-orang Kristian telah di bakar. Pada hari seterusnya, jalan Batu Gantung Air Salobar telah disekat, semua kenderaan mesti melalui jalan Kudamati, satu kawasan berpenduduk Kristian.⁶ Sekatan ini bertujuan memudahkan pengawasan keatas penduduk Islam.

Pukul 8.00 malam, di Gang Silale (perkampungan kecil penduduk Kristian) penghuninya dihalau keluar dan rumah mereka dibakar. Pukul 9.00

⁶ Ibid, h: 117

malam, penduduk Kristian mulai berhimpun di Lapangan Merdeka dan halaman Gereja Maranatha (Gereja Pusat),⁷ untuk memulakan serangan kepada umat Islam secara besar-besaran.

Pada pukul 10.00 malam hari yang sama, terjadilah serangan ke atas Masjid Raya al Fatah, Pasar Mardika dan Batu Merah serta Kompleks Perdagangan Pelita yang pada umumnya merupakan tempat bagi masyarakat Islam berniaga.⁸ Sasaran pasar-pasar dan pusat perdagangan ini adalah dengan tujuan menghalau suku Bugis, Buton dan Makassar. Dengan jumlah kekuatan penganut Kristian melebihi 5000 orang yang lengkap bersenjata telah menyerang umat Islam secara mengejut.

Pada keesokkan harinya (20 Januari 1999), jam 2.00 pagi WIT, Masjid Assa'adah telah dibakar setelah masyarakat Islam sekitar menjadikannya sebagai pusat penempatan pelarian.⁹ Pada jam 5 pagi pula, semasa sembahyang subuh sedang dijalankan di Masjid Raya al Fatah, serangan kedua dilakukan, pembakaran pasar disambung lagi dan tumpuan di kedai-kedai milik orang Islam, rumah-rumah orang Islam di daerah-daerah terpencil dalam kawasan perkampungan Kristian telah dirosakkan. Pada hari yang sama, awal pagi itu, penduduk Hitu, Mamala dan Morela pergi ke Ambon untuk membantu umat Islam di Ambon, manakala orang-orang Kristian tetap meneruskan serangan.

⁷ Ibid, h: 63

⁸ Ibid, h: 118

⁹ Ibid.

Walau bagaimanapun, dalam perjalanan ke Ambon tadi, mereka melalui di Kampung Benteng Karang (Kristian) di mana sehari sebelumnya, penduduk Benteng Karang telah menyerang Kampung Hulung (Islam). Penduduk Kampung Benteng Karang telah menghalang kemaraan penduduk Hitu, maka berlakulah pergaduhan dan rusuhan yang mengakibatkan orang-orang Kristian dihalau, rumah dan gereja habis dibakar. Penduduk Hitu meneruskan perjalanan ke Posso tetapi dihalang oleh anggota keamanan di Air Besar dan pejuang Islam itu diarah kembali ke Hitu. Dalam perjalanan pulang, mereka ditahan di Negeri Lama, Nania dan Hunuth/Durian Patah, menyebabkan terjadinya pergaduhan, akibatnya semua gereja telah dibakar.¹⁰ Selepas kejadian pembakaran kampung penganut agama Kristian inilah, baru wujud pelarian-pelarian Kristian di penempatan-penempatan pelarian di Ambon.

Keadaan di Kota Ambon dan sekitarnya terus tegang dan selama 5 bulan seterusnya umat Islam terus diserang, yang mengakibatkan kematian dan kemusnahan harta benda. Walau bagaimanapun umat Islam tetap bertahan di Ambon dan dari segi moralnya kemenangan adalah di pihak umat Islam.¹¹ Manakala suku Bugis, Buton dan Makassar terpaksa meninggalkan Ambon tetapi pada bulan Mei 1999, kaum lelaki suku ini telah kembali semula secara berperingkat-peringkat untuk membalas dendam dan keluarga mereka di tinggalkan di Bau Bau, Ujung Padang, Palu dan sebagainya.¹²

¹⁰ Ibid, h: 119

¹¹ Temubual dengan *Ustaz Umar Tabii Abdullah*, Pensyarah Islamic Revealed Knowledge di Universiti Islam Antarabangsa Kampus Petaling Jaya, pada 27.12.2001 di rumah beliau di Petaling Jaya.

¹² Rustam Kastor, op.cit, h: 120

Selepas terjadi rusuhan pertama tadi, berlaku pula rusuhan kedua, di mana rusuhan pertama berlaku pada 19 Jan 1999 kemudian keadaan menjadi tenang selama tiga bulan menjelang Pemilu (Pilihanraya) pada 7 Jun 1999. Pada 23 Julai 1999 terjadi lagi serangan kedua dari pihak Kristian dalam jumlah yang lebih besar di Kampung Poka khasnya di perkampungan Islam di Daerah Tihu. Pada serangan kali kedua ini, umat Islam terpaksa mempertahankan diri sendiri tanpa bantuan anggota keamanan.¹³

Di pihak penduduk Kristian pula, pada hari Isnin 19 Jun 2000, pejuang Islam telah melakukan serangan balas ke atas penduduk Kristian Maluku. Di mana 135 orang (127 orang Kristian dan 8 orang Islam) telah terbunuh. Menjadikannya sebagai peristiwa paling buruk pernah berlaku di Pulau Maluku. Polis melaporkan bahawa pejuang Islam itu menggunakan senjata tentera, sedangkan penduduk Kristian menentang hanya menggunakan senapang buatan sendiri atau melarikan diri ke hutan. Dalam kejadian di atas, mangsa adalah terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak. **Berita Antara** melaporkan, bom buatan sendiri, lembing dan panah juga digunakan hingga menyebabkan 292 buah rumah dan sebuah gereja terbakar.¹⁴

Bermula dari kejadian-kejadian di atas inilah pertentangan terus berlaku. Selepas lebih kurang 3 tahun konflik berlaku, keadaan di kawasan Maluku Tengah (Pulau Ambon, Saparua, Haruku, Seram dan Buru) sampai saat ini belum

¹³ Ibid, h: 124

¹⁴ Geoff Spencer, Scores Dead in Maluku Massacre dalam The age.com.au, <http://www.theage.com.au/news/20000621/A22220-2000Jun20.html> pada 20.4.2001

aman dan khusus untuk Kota Ambon amat sukar untuk diramalkan. Kini telah berlaku lagi persengketaan dengan modus operandi yang baru 'ala *ninja*' (penyusup), yang melakukan operasinya di daerah-daerah sempadan kawasan Islam dan Kristian, mereka melakukan pembunuhan dan membakar rumah.¹⁵

Berdasarkan urutan peristiwa di atas, jelas bahawa hak asasi manusia langsung tidak dipedulikan terutama hak untuk hidup dan hak mendapat keamanan dan kehormatan diri kerana penduduk Ambon sewenang-wenang telah dibunuh dan diserang sesuka hati, tidak kira dari pihak Islam mahupun Kristian. Bagi umat Islam, mereka membunuh dan menghalau penduduk Kristian dengan alasan mempertahankan diri setelah diserang terlebih dahulu oleh penduduk Kristian. Dan inilah juga merupakan salah satu isi perjanjian yang telah dimeterai oleh umat Islam dengan penduduk Kristian di mana mereka akan menyerang balas sekiranya mereka diserang dan dizalimi.¹⁶

Kejadian 19 Januari 1999 merupakan tarikh di mana umat Islam merayakan hari raya aidil fitri. Di hari lebaran inilah merupakan saat yang paling tepat serangan dilakukan kerana sejumlah besar umat Islam terperangkap selepas berhariraya. Serangan secara mendadak itu membuat masyarakat Islam terkejut dan keliru, tentang apa yang sebenarnya terjadi lantas mereka mempertahankan diri dengan peralatan seadanya.¹⁷ Dengan kejutan itu, umat Islam sebenarnya tidak menyangka ianya akan berlaku bahkan tiada persiapan langsung dilakukan

¹⁵ Kasus Perlanggaran Hak Asasi Manusia yang terjadi di Maluku oleh George Corputty (Yayasan Baileo, Maluku), <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corputty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002

¹⁶ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, Pembersihan Umat Islam Indonesia paling sadis Berbanding Kosovo, dalam *Majalah Muslimah*, Jun 2000, h: 28

¹⁷ Rustam Kastor, op.cit, h: 37

untuk mempertahankan diri mereka. Pencabulan hak asasi manusia terus berlaku, di mana hak manusia untuk hidup, hak untuk mendapat ketenteraman dan hak untuk dibicarakan jika bersalah, telah diabaikan.

Walau bagaimanapun, pada hakikatnya konflik ini telah bermula lama dahulu semasa pemerintahan diktator Presiden Suharto lagi. Tetapi Presiden Suharto pada waktu itu, telah menggunakan cara ketenteraan bagi menyelesaikan konflik yang berlaku. Ini menyebabkan konflik tersebut terpendam tanpa terpadam, umpama gunung berapi yang menunggu masa untuk meletup.

Kemudian selepas kejatuhan Presiden Suharto dan diganti oleh Presiden Habibie, (yang memerintah hanya untuk sementara), beliau telah memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi dalam segala urusan pemerintahan beliau. Penganut agama Kristian telah mengambil kesempatan untuk memohon pemerintahan sendiri dan terasing di Maluku. Permintaan penduduk dan tokoh agama Kristian ini telah mengundang perasaan tidak puas hati dikalangan penduduk Islam di Maluku yang masih merupakan majoriti terbesar.¹⁸ Maka bermulalah konflik agama yang berpanjangan.

Konflik ini langsung tidak mendapat perhatian terutamanya dari pihak media antarabangsa sebagaimana kes-kes pencabulan hak asasi manusia di lain-lain negara. Penderitaan mangsa di Indonesia tidak disiarkan secara besar-besaran. Mangsa pencabulan hak asasi ini seolah-olah terbiar tanpa perhatian

¹⁸ Temubual dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah.

dunia. Badan-badan bukan kerajaan dunia langsung tidak berminat membantu. Bahkan **MERCY Malaysia** adalah badan NGO pertama dari luar Indonesia yang datang memberi perkhidmatan.¹⁹

Banyak faktor menyebabkan penderitaan mereka tidak diberi perhatian dunia, mungkin diantaranya pihak kerajaan Indonesia yang banyak menafikan adanya tragedi itu manakala laporan rasmi banyak diubahsuai misalnya yang meninggal dunia cuma 5 orang sahaja, sedangkan terdapat bukti nyata bahawa mangsa yang meninggal dunia telah dibunuh dengan kejam.²⁰ Disinilah dapat dilihat bahawa hak kemanusiaan telah diabaikan bahkan tidak dipedulikan. Dengan menafikan wujudnya konflik yang berlaku itu, tidak akan dapat menyelesaikan masalah malahan ianya semakin membarah kerana tanpa bantuan, Ambon dan Maluku tetap bergelumbang dengan tragedi yang menyayat hati.

3.3 Pihak-pihak yang terlibat dengan konflik

Antara pihak-pihak yang terlibat dengan konflik ini ialah penduduk-penduduk tempatan sendiri yang terdiri daripada penganut agama Islam dan Kristian.²¹ Konflik ini tidak melibatkan masyarakat luar Indonesia, secara langsung,²² kerana ia hanya konflik sesama penduduk tempatan. Tuan Haji

¹⁹ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, op.cit, h: 26

²⁰ Ibid,

²¹ Temubual dengan En. Munawar Abdul Jalil dan temubual dengan Dr. H.M. Hidayat Nurwahid, MA, lihat juga Human Rights Watch, <http://www.hrw.org/campaigns/indonesia/moluccas.html> pada 20.4.2001

²² **Temubual pada 11/1/2002**, seorang ahli MERCY, Malaysia, di Hospital Pakar Ampang Puteri, (Nama dirahsiakan atas permintaan, selepas ini penulis akan menggunakan Temubual pada 11/1/2002 sebagai rujukan) dan temubual dengan **En. Abdul Rojak**, Bendahari Nahdatul Ulama' di Malaysia pada 5hb. Jun 2001 di Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Mohamad Salleh Bandjar pula mengatakan bahawa fahaman orang Kristian di Indonesia ada dua samada Katholik atau Protestant dan yang menimbulkan huru hara serta tragedi berdarah di Kepulauan Maluku ini ialah puak Protestant,²³ kebanyakannya mempunyai hubungan secara langsung dengan bekas pemerintahan kolonial Belanda.²⁴

Kenyataan ini dapat dibuktikan bahawa di Ambon jumlah penduduk ialah 311, 974 orang (tahun 1999) yang terdiri daripada protestant 161,977 orang (51.92%), Katholik 7,315 orang (5.55%), Islam 132, 215 orang (42.38%) dan Budha Hindu 467 orang (0.15%). Dari penduduk yang beragama Islam seramai 132,215 orang sebanyak 35% adalah berasal dari luar Kota Ambon, termasuk pendatang dari Maluku Utara, Maluku Tenggara dan wilayah-wilayah lainnya.²⁵

Jumlah penduduk Kristian pula (Katholik dan protestant) ialah 179,292 orang (dianggap 100% dari keseluruhan penduduk Kristian), di mana Kristian Protestant menguasai 91% dan Katholik hanya 9% sahaja. Jadi berdasarkan data di atas, menunjukkan bahawa golongan yang melakukan rusuhan, hampir keseluruhannya penganut agama Kristian Protestant dan penduduk Protestant pula diwajibkan bernaung di bawah organisasi gereja iaitu Gereja Protestant Maluku (GPM).²⁶ Ini dapat dibuktikan kerana tidak lama selepas pembunuhan umat Islam di Tobelo dan Galela, Halmahera Utara yang menyebabkan ratusan penduduk terkorban, sebuah Harian Belanda *Volkstrant* (Rabu -12/1/2000) membuat

²³ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, op.cit, h: 28

²⁴ The Times of India, <http://www.timesofindia.com/160700/16aspc13.html> pada 20.4.2001

²⁵ Rustam Kastor, op.cit, h: 134-135

²⁶ Ibid

berita yang mengejutkan: “Orang-orang Maluku di Belanda telah mengumpulkan dana dengan tujuan pembelian senjata untuk dikirim ke Indonesia”.²⁷ Manakala ahli Protestant mempunyai perkaitan secara langsung dengan gerakan Republik Maluku Selatan (RMS) kerana 99.9% ahli RMS adalah Protestant dan bakinya adalah Katholik, jadi sukar dipisahkan antara ahli RMS dan GPM dalam rusuhan di Ambon.²⁸

3.4 Sebab-sebab Berlakunya Konflik di Maluku

Indonesia sedang berhadapan dengan krisis yang meruncing. Wilayah-wilayah dibawahnya telah menuntut kemerdekaan, pihak tentera dan pihak pemisah saling berbunuhan. Di Maluku pula, penganut agama Kristian dan Islam, terlibat dalam serangan menentang sesama sendiri. Keadaan ini diburukkan lagi, apabila pihak tentera telah mengambil bahagian dalam persengketaan tersebut.

Persengketaan yang terjadi ini merupakan persengketaan yang berpanjangan, ianya berlaku bukan hanya sehari dua tetapi telah berlaku ratusan tahun dahulu, namun secara jelas ianya diketahui umum bermula pada awal tahun 1999 yang lalu. Untuk itu, di sini dinyatakan antara sebab-sebab terjadinya konflik, iaitu:

²⁷ Majalah Suara Hidayatullah.com, <http://www.hidayatullah.com/2000/02/nasional.html> pada 20.4.2001

²⁸ Rustam Kastor, op.cit, h: 243

1. Kepentingan serta Perancangan Kristian dan Yahudi

Saudara Mustafa Mansur Amir Mohamad Isa dalam temuramahnya dengan *Majalah Muslimah* berpendapat bahawa isu ini ada kaitannya dengan tokoh-tokoh politik setempat dan peringkat antarbangsa. Masing-masing ingin membuktikan mereka punya kuasa dan pengaruh untuk mengubah suasana setempat. Sebab itu dapat dilihat bahawa matlamat penduduk Kristian adalah untuk menjadikan pulau Maluku milik Kristian.²⁹ Beliau juga berpendapat semuanya ini merupakan perancangan global pihak Kristian dan Yahudi, yang diketahui oleh semua orang. Rancangan mereka ialah dunia ini mereka pegang. Perancangan dunia Kristian meninggalkan sesuatu yang tidak disedari, sebagaimana yang berlaku dalam konsep sekularisme.³⁰

Manakala program Kristianisasi telah lama berjalan, ini kerana di Indonesia, wujud juga hak kebebasan beragama dalam perlembagaannya. Semasa pemerintahan Presiden Suharto, beliau berjaya mengawal pergerakan ini agar ianya tidak merosakkan kesatuan Indonesia, namun tindakan presiden ini telah menyebabkan golongan Kristian mendapat bantuan dari luar negara.

Dengan jumlah penduduk Kristian di seluruh Indonesia hanya 20%, keadaan yang lemah ini cuba diimbangi dengan cara mendapat wilayah

²⁹ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, op.cit , h: 26

³⁰ Ibid, h: 25

dominan Kristian yang lebih besar serta tekanan politik dan ekonomi (kewangan) dari pertubuhan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia, yang akhirnya menjadikan Indonesia jatuh terperosok dan terlalu bergantung pada bantuan kewangan antarabangsa. Dengan strategi ini mereka mendapatkan '*bargaining position*' yang amat kuat, kerana itulah penganut Kristian ingin menjadikan Maluku sebagai daerah dominasi Kristian. Langkah pertama yang dilakukan oleh penganut Kristian ialah memisahkan Maluku Utara dari Maluku Selatan dan Tenggara. Kemudian '*Program Maluku Kie Raha*' diperkenalkan iaitu program menghalau umat Islam dari Kota Ambon dan sekitarnya dan seterusnya mengusir seluruh masyarakat pendatang Islam.³¹

Kes rusuhan di Ambon merupakan salah satu kes untuk memenuhi kepentingan dan keinginan mereka untuk melepaskan diri dari negara Kesatuan Republik Indonesia, mewujudkan negara Republik Maluku Selatan (RMS), negara yang berasingan dari kesatuan Indonesia.³² Sebagaimana yang pernah dirancang pada 25hb. April 1950, yang akan menggabungkan Ambon, Buru, Seram dan beberapa buah pulau sekitarnya.³³ Tragedi dan rusuhan yang dimulai oleh penduduk Kristian ini, mempunyai perancangan yang sangat rapi dari segala aspek.

³¹ Rustam kastor, op.cit, h: 103-104

³² Pos Keadilan Peduli Umat, Parti Keadilan Indonesia, <http://www.geocities.com/CapeCanaveral/Hall/5557/ambon6.html> pada 11.9.2001

³³ Karen Parker Homepage for Humanitarian Law, <http://www.webcom.com/hrin/parker/m.html> pada 11.4.2001

Kemudian munculnya George Soros dengan kekuatan kewangannya telah berjaya memporak perandakan kesatuan Indonesia, seterusnya menguasai dalam bidang ekonomi dan politik Indonesia. Dengan sumber kewangan yang besar, kekacauan dalam bidang politik diwujudkan kesan dari gerakan reformasi. Keadaan ini telah menular ke seluruh Indonesia hingga ke Ambon.³⁴

Penduduk Kristian juga menghendaki agar jumlah masyarakat Islam di Pulau Ambon dan sekitarnya berkurangan sehingga mereka dapat kembali menjadi penduduk majoriti.³⁵ Di Kota Ambon, sebelum kedatangan suku Bugis, Buton, Makassar, Jawa dan Sumatera dalam jumlah yang besar, jumlah penduduk yang beragama kristian merupakan majoriti (lebih kurang 60%). Apabila perpindahan suku-suku tadi ke Ambon, mereka pula beragama Islam, keadaan ini sangat tidak disenangi oleh penduduk Kristian kerana majoriti penduduk berubah. Dengan demikian usaha menghalau penduduk bermula.

Walaupun yang dihalau hanyalah suku Bugis, Buton dan Makassar tetapi dari segi kesan psikologinya telah menyeluruh kepada kesemua umat Islam. Pada permulaannya, pengusiran ini bertujuan untuk menyeimbangkan jumlah penduduk Islam dan Kristian tetapi pada tahap seterusnya, penganut Kristian mahu menjadikan Maluku, majoritinya

³⁴ Rustam kastor, op.cit, h: 105

³⁵ Ibid, h: 28

berpenduduk kristian sebagaimana di Irian Jaya dan Sulawesi Utara.³⁶ Bertitik tolak dari sinilah, berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh penganut agama Kristian bagi mencapai cita-cita mereka.

Perancangan mereka diteruskan lagi dengan para pendita Kristian memainkan peranan penting. Namun dari segi awal sejarahnya, minoriti penduduk Kristian di Maluku wujud apabila satu kaum di Tobelo memilih untuk menganut agama Kristian pada tahun 1956 kerana sebelumnya mereka adalah animisme. Terjadinya konflik juga disebabkan oleh kerana para pendita Kristian telah membuat kenyataan kepada rakyat tempatan kononnya orang Islam harus diperangi, tidak boleh berbaik-baik dengan mereka dan bagi mereka yang tidak boleh mengawal kemarahan akan bertindak.

Kekacauan juga berlaku apabila para pendita Kristian mengupah penganutnya yang sedang mabuk untuk menimbulkan rusuhan. Apabila sampai satu tahap umat Islam marah dan bertindak. Pihak Kristian pula mengambil kesempatan dengan mengeluarkan kenyataan bahawa umat Islamlah yang telah mencederakan dan membuat rusuhan keatas puak Kristian.³⁷

Selanjutnya kemajuan proses kemerdekaan Timor Timur telah memberikan inspirasi kepada penganut agama Kristian di Ambon.

³⁶ Ibid, h: 28-29

³⁷ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei ,op.cit, h: 23

Keadaan politik, ekonomi dan sosial Indonesia yang semakin memburuk boleh dijadikan alasan mempercepat lagi niat untuk melakukan pemisahan dari Negara Kesatuan Republik Indonesia.

Penganut Agama Kristian selanjutnya menyalahkan Jemaah Laskar Jihad kerana dengan kemasukan mereka pada pertengahan tahun 2000 yang lalu ke Ambon, telah memburukkan lagi keadaan di Maluku. Laskar Jihad merupakan kumpulan pejuang Islam yang dilatih di Jawa Barat dan di bantu oleh sesetengah ahli tentera dan ahli politik elit di Jakarta.³⁸

R.C. Bishop of Amboina (Moluccas) Monseigneur P.C Mandagi MSC dan Menteri Pertahanan Indonesia, Juwono Sudarsono juga menyalahkan kumpulan militan Islam ini, kerana menyebabkan peperangan terus berlaku di Kepulauan Maluku, beliau seterusnya menyatakan bahawa ribuan ahli militan tadi telah memasuki wilayah tersebut. “Penghantaran Laskar Jihad dan anggota pertubuhan yang lain telah mencapai 10,000 orang dalam tempoh 3 bulan lalu dan mereka telah menyebabkan konflik berterusan.” Beliau menyatakan demikian dalam temubualnya dengan *The Jakarta Post*.³⁹

Hingga kini jumlah itu semakin meningkat. R.C. Bishop of Amboina (Moluccas) Monseigneur P.C Mandagi MSC selanjutnya

³⁸ R. William Liddle, Indonesia In 2000, dalam *Asian Survey*, vol XLI, No. 1, January/February 2001, Universiti of California Press, h: 215

³⁹ The Times of India, <http://www.timesofindia.com/160700/16aspc13.html> pada 29.4.2001

menyatakan bahawa tindakan pemimpin Jemaah Laskar Jihad Ja'afar Umar Thalib dan pengikut-pengikutnya adalah bertentangan dengan sifat semulajadi manusia dan mencero bohi hak asasi manusia, yang pastinya ia bertentangan dengan prinsip yang terdapat dalam agama Islam, agama yang dianuti oleh Ja'afar sendiri. Beliau menganggap Ja'afar Umat Thalib merupakan seorang 'provokator' yang sentiasa menyemarakkan semangat peperangan melalui ucapan-ucapannya di siaran Radio Pembela Muslim Maluku. Selanjutnya beliau juga menyalahkan Laskar Jihad kerana mengakibatkan kerosakan teruk kepada penganut Kristian dan mahukan pemisahan di Maluku.⁴⁰

2. Ketidak stabilan penempatan penduduk di Maluku.

Ketidak stabilan pembangunan di Ambon juga mengakibatkan wujudnya pengasingan kampung-kampung berdasarkan agama antara agama Islam dan Kristian di Ambon. Kewujudan pengasingan ini samada secara sengaja atau tidak, mungkin melalui jarak masa yang panjang dan dipengaruhi oleh sejarah Maluku sendiri sekian lama. Namun apabila penduduk Ambon semakin ramai, di samping kedatangan penduduk pendatang, telah menyebabkan wujudnya pengasingan penempatan ini.⁴¹

⁴⁰ Maluku2000, <http://www.maluku2000.org/nl/default.asp?actueeloptie=nieuws&id=237> pada 18.5.2001

⁴¹ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei ,op.cit, h: 27

Banyak bukti yang menunjukkan bahawa perjanjian damai 'akhbar' tidak dipatuhi oleh penganut Kristian, antaranya: ⁶⁵

- i. 13 April 1999, terjadi pembunuhan empat orang penumpang kenderaan awam beragama Islam di Kampung Waai oleh penduduk Kristian.
- ii. 12 Mei 99, terjadi pembunuhan terhadap dua penduduk desa Tulehu di Kampung Posso ketika mereka dalam perjalanan ke Ambon.
- iii. 13 Julai 1999, terjadi penebangan 300 pokok cengkeh milik penduduk Islam kampung Siri Sori (Pulau Saparua) oleh penduduk Kristian Kampung Ulath, akhirnya merebak menjadi perkelahian yang mengakibatkan ramai kematian di kedua belah pihak termasuk anggota polis.
- iv. 18 Julai 1999, masjid dan rumah-rumah orang Islam di Kota Saparua di bakar kesan dari peristiwa 13 Julai.

Peristiwa di atas merupakan hanya sebahagian sahaja dari banyak lagi peristiwa-peristiwa yang ada. Perlanggaran syarat perjanjian damai yang dilakukan secara sengaja ini telah mengakibatkan ramai terkorban. Tokoh-tokoh agama dan pemimpin umat Islam cuba sedaya upaya mengawal orang-orang bawahan mereka. Namun keadaan damai ini tidak bertahan lama. Umat Islam terpaksa mempertahankan diri dengan melakukan serangan balas. Walaupun banyak perjanjian damai disepakati pada mulanya, tetapi ianya seolah-olah 'manis

⁶⁵ Ibid, h: 127

Pemisahan ini secara langsung menyumbang kepada terjadinya konflik, kerana sikap persefahaman dan kejiranan pasti tidak akan wujud sama sekali. Bahkan ia memburukkan lagi keadaan dan menjauhkan usaha untuk menyatukan penduduk dalam satu wadah pancasila. Hingga isu-isu kecil dan remehpun menjadi satu masalah besar, kerana tidak adanya persefahaman dan sikap tolak ansur dikalangan sesama penduduk.

3. Kelemahan Sistem Dakwah dan Pegangan Agama Masyarakat Islam sendiri.

Ia juga berpunca dari kelemahan sistem dakwah dan penyebaran Islam oleh masyarakat Islam Ambon sendiri. Umat Islam kebanyakannya leka dan lalai untuk menjalankan tanggungjawab mereka untuk menyebarkan Islam dan menjalankan dakwah dengan lebih meluas. Mereka menganggap sekiranya mereka telah memeluk Islam, maka tugas dan tanggungjawab mereka telah selesai, oleh itu tugas dakwah ini ditinggalkan. Kesempatan ini telah diambil oleh pendeta-pendeta Kristian untuk mengisi kekosongan jiwa masyarakat setempat dengan program-program mereka.⁴² Akibatnya, masyarakat Islam terumbang ambing tanpa bimbingan sempurna dari golongan yang arif.

Hal ini juga disebabkan tiadanya organisasi atau institusi yang dapat menyatukan umat Islam dengan kukuh. Ini mengakibatkan tiadanya

⁴² Temubual dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah.

ukhuwah terutama sesama tokoh-tokoh agama. Apabila mereka tidak bersatu menyebabkan tiada reaksi segera dan bersungguh-sungguh bagi membela masyarakat Islam yang ditindas. Manakala masyarakat Kristian di bawah organisasi gereja Gereja Protestant Maluku keadaannya cukup kukuh hingga mampu melakukan usaha membina umatnya melalui wadah gereja ini.⁴³

Kedangkalan aqidah umat Islam juga merupakan kelemahan dalaman yang perlu diperhatikan dengan serius. Akibatnya, masyarakat Islam terlalu lemah dalam mengamalkan Islam yang syumul dan sempurna. Bahkan ada di antaranya yang tidak tahu apa-apa tentang Islam, mereka Islam hanya dari segi nama sahaja.⁴⁴ Berdasarkan kajian, tiada muslim fanatik di Ambon, bahkan di antara mereka yang ikut berperang banyak yang tidak solat dan cetek pengetahuan tentang agama Islam.⁴⁵

Penghayatan hidup beragama di dalam masyarakat juga bercelaru. Umat Islam dan Kristian bercampur sehingga tidak lagi memerhatikan batas-batas yang telah diletakkan oleh syarak bagi mengatur perhubungan antara masyarakat beragama. Toleransi beragama juga sudah melampaui batas sehingga mereka turut sama membina gereja dan menyambut hari Natal seperti orang-orang Kristian.⁴⁶ Budaya '*pela gandong*' yang

⁴³ Rustam Kastor, op.cit, h: 4

⁴⁴ Temubual dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah, lihat juga Dr. Hafidzi Mohd Noor, Menyeka Airmata di Kepulauan Maluku (bahagian Akhir) dalam *Majalah Anis*, Januari 2001, h: 37

⁴⁵ Rustam Kastor, op.cit, h: xi.

⁴⁶ Dr. Hafidzi Mohd Noor, op.cit.

diamalkan banyak memberi kesan negatif kepada pengamalan sistem Islam sebenar dalam kehidupan umat Islam.

Berdasarkan sebab-sebab di atas, nyata bahawa punca utama rusuhan dan konflik ialah keinginan pihak penganut agama Kristian untuk menjadikan Maluku sebagai sebuah negara Kristian yang terasing dari Kesatuan Republik Indonesia. Di samping kebimbangan mereka bahawa Indonesia yang memiliki 90% dari 210 juta penduduknya adalah Islam, akan menjadi negara Islam tulin setelah Presiden Abdul Rahman Wahid memerintah Indonesia. Bagi penduduk beragama Islam pula, mereka terpaksa mempertahankan diri apabila diserang oleh penganut agama Kristian, di samping kehadiran anggota Jemaah Laskar Jihad, sebagai menghulurkan bantuan.

3.5 Antara Bentuk-bentuk Pencerobohan Hak Asasi Manusia di Ambon, Maluku

Apabila konflik berlaku, maka di sana terdapat banyak pencerobohan hak asasi manusia, tidak ketinggalan apa yang dialami di Ambon, samada hak yang melibatkan politik, hak untuk hidup, hak sosial dan sebagainya. Antara bukti berlakunya pencerobohan-pencerobohan itu ialah:

3.5.1 Pencerobohan politik

Ambon merupakan ibukota bagi Kepulauan Maluku. Ia menjadi pusat pemerintahan, perdagangan, perindustrian, pendidikan dan kegiatan sosial budaya

lainnya. Sebagai sebuah ibukota yang amat penting, ia telah menjadi sasaran kepada perjuangan menuntut sebuah wilayah Kristian merdeka oleh penganut agama Kristian. Sejak dari dahulu lagi, dikatakan matlamat utama penganut agama Kristian yang di dalangi oleh Belanda untuk mewujudkan Republik Maluku Selatan. Namun cita-cita itu terpaksa di pendamkan seketika kerana usaha pemisahan ini telah ditumpaskan oleh Tentera Nasional Indonesia pada tahun 1950, lantaran keengganan masyarakat Islam menyokong kewujudan dan pemisahan Maluku dari Kesatuan Republik Indonesia.

Punca konflik ini ialah untuk menjadikan Maluku sebagai wilayah yang majoriti Kristian. Ini kerana pada zaman pemerintahan kolonial Belanda (1602-1942), Maluku Selatan telah dikristiankan, di mana askar-askar Maluku Selatan merupakan tulang belakang bagi tentera kolonial Belanda dan golongan elit profesional Protestant menguasai sistem pemerintahan dan birokrasi Maluku.⁴⁷

Dalam usaha untuk pemisahan ini, penganut agama Kristian terpaksa melakukan usaha awal dengan mengubah posisi majoriti masyarakat Islam, Maluku kepada golongan minoriti, dengan cara menghalau pulang pendatang-pendatang Islam bangsa Bugis, Buton dan Makassar ke daerah asal mereka. Dan untuk mengarahkan mereka pulang bukan suatu kerja mudah. Oleh itu penduduk Kristian terpaksa menghapuskan dengan membakar dan memusnahkan segala kepentingan penduduk-penduduk Islam di Ambon, walaupun ia telah wujud

⁴⁷ Peter Carey, "Tearing a Nation Apart" dalam *The World Today*, vol 56, num. 3, March 2000, h: 8

sekian lama. Kehadiran dan pertambahan penduduk Islam di Ambon dan Maluku, sememangnya akan mengugat hasrat mereka yang telah lama terpendam.

Di tambah dengan kejayaan Timor Timur membebaskan diri menjadi sebuah negara merdeka, telah menguat dan menyemarakkan lagi hasrat mereka. Maka penduduk-penduduk Kristian Maluku telah menyerang penduduk Islam di Ambon dan mereka tidak memperdulikan sama sekali tentang perjanjian-perjanjian damai yang telah dimetrai semasa konflik ini berjalan. Mereka membunuh sesiapa sahaja penduduk beragama Islam, tidak kira mereka itu kanak-kanak, orang tua, pemuda, wanita dan tentera-tentera Islam.⁴⁸ Akhirnya gagasan '*moslem cleansing*' semakin jelas untuk umat Islam.⁴⁹

Mereka juga menghancurkan golongan yang membantu meningkatkan ekonomi Ambon dan ini suatu hal yang jelas bertentangan dengan program pemerintah pusat yang sedang berusaha keras membangunkan ekonomi rakyatnya.

Selain daripada itu, Ahmad Mansur Suryanegara seorang ahli sejarah daripada Universiti Padang menyatakan kejadian di Maluku ini bukan sekadar pertikaian biasa tetapi juga sebuah pemberontakan yang di dasari dengan sentimen agama. Senario ini disebut dalam buku beliau **"Benarkah Reformasi Menimbulkan**

⁴⁸ Ibid, h: 9, Rustam Kastor, op.cit h; 240

⁴⁹ Temubual dengan Dr. H.M. Hidayat Nurwahid.

Perang Agama?" sebagai "itu sebagai gerakan imbangan agama (*balance of religion*)".⁵⁰

3.5.2 Pencerobohan Hak-Hak Sosial

Antara pencerobohan hak-hak sosial yang telah dilakukan oleh penganut agama Kristian ialah hak untuk hidup. Ianya telah dinafikan sama sekali. Pembunuhan keatas penduduk Islam amat dahsyat sekali, sesuatu yang amat kejam dan tidak berperikemanusiaan.⁵¹ Mereka bukan sahaja di bunuh tetapi mayat mereka telah dieksploitasi dengan cara yang amat mengerikan seperti di kerat-kerat, dicincang dan kemudian dibiarkan begitu sahaja. Mereka juga di bakar hidup-hidup, di salib dan di penggal leher mereka, setelah mereka di bunuh, mayat mereka di bakar, ada juga yang di kerat-kerat dan diikat pada kayu dan dijadikan sasaran memanah atau menembak.⁵² Semuanya iaitu dilakukan tanpa rasa belas kasihan. Pembunuhan umat Islam di Indonesia adalah lebih sadis berbanding Kosovo, mangsa yang mati di perkarangan masjid misalnya terbiar begitu sahaja kerana penduduk Islam berada dalam ketakutan untuk melakukan upacara pengkebumian dan banyak organ-organ mayat yang di potong, tangan dicincang, wanita dibelah perut dan payu daranya.⁵³

⁵⁰ Majalah Suara Hidayatullah.com, <http://www.hidayatullah.com/2000/02/nasional.html> pada 20.4.2001

⁵¹ Temubual dengan En. Abdul Rojak.

⁵² Temubual pada 11/1/2002.

⁵³ Temubual dengan En. Munawar Abdul Jalil dan Temubual dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah, lihat juga Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, op.cit, h. 27 .

Ada juga di antaranya yang dipancung hidup-hidup dan dibuang mayat mereka ke dalam sungai menyebabkan sungai tersebut dipenuhi darah dan mayat manusia.⁵⁴ Terdapat kes di mana seorang imam masjid yang telah meninggal dunia kerana mempertahankan masjidnya dan telah dikebumikan, di gali semula oleh penganut Kristian, kemudian mayatnya disalib dan diisi perutnya dengan babi.⁵⁵ Kesemua kejadian ini merupakan sebahagian apa yang berlaku kepada umat Islam di Ambon dan pulau-pulau berdekatan. Dan setelah lebih kurang 3 tahun konflik berlaku, terdapat lebih daripada 10,000 orang terbunuh dan lebih 4000 orang cedera.⁵⁶

Walaupun kesemua perisytiharan hak asasi di dunia, telah mengiktiraf hak untuk hidup sebagai hak yang mutlak kepada semua manusia yang dilahirkan ke muka bumi ini, tanpa ada sesiapaupun yang boleh mencabut hak ini. Dalam Islam, hak ini merupakan hak yang paling utama, tidak kira ia beragama Islam atau bukan, maka sepatutnya hak ini tidak dipermainkan-mainkan, kerana ia bukan milik manusia. Begitu juga berlaku pembunuhan dan serangan oleh penduduk Islam ke atas penduduk Kristian di kampung-kampung mereka seperti Kampung Benteng Karang, Negeri Lama dan Nania, atas apa yang penduduk Islam katakan sebagai mempertahankan diri sebelum diserang lagi.

⁵⁴ Temubual pada 11/1/2002.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Kasus Pelanggaran Hak Asasi Manusia di Maluku oleh George Corputty (Yayasan Baileo, Maluku), <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corputty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002

Hak-hak lain yang diceroboh juga ialah hak kehormatan diri. Rogol bukanlah suatu perkara baru dalam sejarah.⁵⁷ Di mana-mana berlakunya kes pencerobohan hak asasi, rogol merupakan salah satu program yang dibenarkan, ia dilakukan kepada semua golongan wanita muda mahupun tua, yang diperkosa di jalan-jalan raya. Di Ambon, kes rogol tetap berlaku.⁵⁸ Cuma tidak dapat dipastikan secara jelas jumlah wanita yang telah dirogol dan diperkosa. Bagi mereka yang sempat melarikan diri, mereka terpaksa lari ke hutan.

Selain daripada kes rogol, keamanan sosial, tidak lagi wujud. Pengangkutan dan perjalanan sudah tidak selamat. Sampai bulan Oktober 1999, umat Islam masih boleh melintasi kawasan penganut Kristian dengan selamat ditemani oleh pegawai keselamatan tetapi pada bulan November 1999, pegawai keselamatan yang menemani umat Islam juga menjadi mangsa tembakan penganut Kristian.⁵⁹ Kota Ambon sangat menakutkan bagi sesiapa pun kerana kes pembakaran dan pembunuhan berlaku setiap hari. Hak asasi bagi penduduk Ambon untuk merasa selamat dan aman dalam perjalanan telah dicerobohi.

Sehubungan dengan itu juga, sistem pendidikan tidak pernah berjalan secara normal, keselamatan pelajar tidak terjamin, samada semasa dalam perjalanan ke sekolah mahupun semasa berada di sekolah. Anak-anak juga tidak mendapat pendidikan yang sempurna kerana sekolah-sekolah serta madrasah telah hangus di

⁵⁷ *Utusan Malaysia*, 3 Julai 1994

⁵⁸ Pos Keadilan Peduli Umat, Parti Keadilan Indonesia, <http://www.geocities.com/CapeCanaveral/Hall/5557/ambon4.html> pada 11.9.2001

⁵⁹ Rustam Kastor, op.cit, h: 239

bakar. Sebagai contoh Universiti Pattimura, yang dikuasai sepenuhnya oleh pihak Kristian tidak mungkin dapat dimanfaatkan oleh mahasiswa Islam.⁶⁰

Konflik agama yang berlaku ini juga, secara tidak langsung telah mencabut hak kebebasan beragama dan beramal dengan agama masing-masing sebagaimana yang telah diiktiraf oleh perisytiharan hak asasi Barat 1948. Bahkan dalam pancasila juga jelas menyebutkan hak ini. Antara contoh pencerobohan yang dilakukan ialah masjid-masjid telah dibakar dan dirosakkan, kubah masjid di pasang lambang salib menggantikan tulisan Allah, Rasulullah s.a.w dihina dan diperlekehkan melalui tulisan-tulisan yang diconteng di dinding-dinding masjid, tempat-tempat awam dan lain-lain.⁶¹ Para imam masjid dibunuh dan ada yang cacat seumur hidup, Al Quran dipijak-pijak dan dibakar, sekolah-sekolah Islam dimusnahkan serta Pejabat Urusan Agama dibakar. Tidak ketinggalan gereja-gereja juga dimusnahkan bahkan Gereja Silo, terletak 300 meter dari Masjid Raya al Fatah, yang merupakan gereja terbesar di Ambon turut terbabit.⁶²

3.5.3 Pencerobohan Hak Asasi Manusia Semasa Proses Perjanjian Damai

Semasa terjadinya rusuhan dan konflik sesama penduduk Ambon dan sekitarnya, telah banyak perjanjian dan persefahaman yang dimeterai di antara pihak-pihak yang terlibat, dengan tujuan untuk mewujudkan perdamaian

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Temubual dengan En. Munawar Abdul Jalil.

⁶² Rustam Kastor, op.cit, h: 166

sekaligus menamatkan konflik. Antara perjanjian yang diusahakan ialah Perjanjian 'Akhbar'⁶³.

Perjanjian 'akhbar' merupakan perjanjian yang dianggap paling penting ini telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak (Islam dan Kristian) dengan disaksikan oleh wakil Tentera Nasional Indonesia dan melibatkan oleh para tokoh agama, tokoh masyarakat, tokoh adat, tokoh pemuda, para '*Latu Patti*', Muspida Tingkat I dan II dan sebagainya. Sebelum ini banyak perjanjian-perjanjian kecil yang telah ditanda tangani tetapi tetap tidak dihormati bahkan dilanggar. Dengan perjanjian ini, diharapkan semua pihak akan mematuhi dan menghormati syarat-syarat perjanjian terbabit di mana salah satu syarat perjanjian yang mesti dipatuhi ialah tidak ada lagi niat menyerang.⁶⁴

Perjanjian ini diproses selama empat bulan dan umat Islam sejak dari awal lagi memang inginkan perdamaian. Namun tidak di pihak Kristian. Atas kegagalan mereka mengusir umat Islam, mereka mengabaikan perjanjian damai tadi. Di mana pada 10-11 Mei 1999, mereka melakukan serangan kecil ke atas umat Islam sedangkan perjanjian damai akbar itu akan diisytiharkan pada 12 Mei 1999.

⁶³ Dimanakan 'akhbar' kerana umat Islam menganggapnya sebagai perjanjian terbesar dan terpenting dalam mencari jalan penyelesaian konflik, ini kerana sebelum ini telah banyak perjanjian-perjanjian kecil ditanda tangani tetapi telah dilanggar oleh pihak penganut Kristian.

⁶⁴ Rustam Kastor, op.cit, h: 124-125

Banyak bukti yang menunjukkan bahawa perjanjian damai 'akhbar' tidak dipatuhi oleh penganut Kristian, antaranya:⁶⁵

- i. 13 April 1999, terjadi pembunuhan empat orang penumpang kenderaan awam beragama Islam di Kampung Waa oleh penduduk Kristian.
- ii. 12 Mei 99, terjadi pembunuhan terhadap dua penduduk desa Tulehu di Kampung Posso ketika mereka dalam perjalanan ke Ambon.
- iii. 13 Julai 1999, terjadi penebangan 300 pokok cengkeh milik penduduk Islam kampung Siri Sori (Pulau Saparua) oleh penduduk Kristian Kampung Ulath, akhirnya merebak menjadi perkelahian yang mengakibatkan ramai kematian di kedua belah pihak termasuk anggota polis.
- iv. 18 Julai 1999, masjid dan rumah-rumah orang Islam di Kota Saparua di bakar kesan dari peristiwa 13 Julai.

Peristiwa di atas merupakan hanya sebahagian sahaja dari banyak lagi peristiwa-peristiwa yang ada. Perlanggaran syarat perjanjian damai yang dilakukan secara sengaja ini telah mengakibatkan ramai terkorban. Tokoh-tokoh agama dan pemimpin umat Islam cuba sedaya upaya mengawal orang-orang bawahan mereka. Namun keadaan damai ini tidak bertahan lama. Umat Islam terpaksa mempertahankan diri dengan melakukan serangan balas. Walaupun banyak perjanjian damai disepakati pada mulanya, tetapi ianya seolah-olah 'manis

⁶⁵ Ibid, h: 127

di tepi bibir' dan berhenti sekejap hanya untuk menghilangkan penat, mencari semula tenaga untuk bersengketa lagi. Penduduk awam lah yang paling menderita akibat dari persengketaan yang entah bila akan berakhir.

Hak asasi manusia yang telah diperjuangkan oleh seluruh penduduk dunia telah dicabul sewenag-wenangnya di Maluku. Tiada siapapun yang cuba mempertahankannya. Antara bentuk-bentuk pencerobohan yang jelas terjadi ialah pembunuhan, pencabulan kehormatan, hak mangsa pelarian untuk mendapat perlindungan dan kemudahan asas seperti air, tempat tinggal dan sebagainya, hak mendapat kedamaian dan ketenteraman hidup dari semua perjanjian yang telah ditanda tangani, hak untuk mendapat pendidikan dan banyak lagi. Namun apa yang dapat kita lihat, hak-hak ini tidak pernah dirasakan dan dinikmati oleh penduduk, samada penduduk Islam mahupun Kristian.

3.6 Kesan Pencerobohan Hak Asasi Manusia di Ambon, Maluku

Apabila terjadinya rusuhan, konflik dan persengketaan, maka yang ditinggalkan ialah kesan yang berpanjangan, samada kesan fizikal mahupun spiritual. Maka yang menjadi mangsa ialah golongan yang tidak berdaya seperti wanita, orang-orang tua dan kanak-kanak. Mereka inilah yang amat menderita dan berusaha menyelamatkan diri dari terus dibelenggu persengketaan. Mencari tempat lain yang lebih aman, menjadi pelarian di mana-mana. Mereka tidak sempat menyelamatkan harta benda dan keperluan-keperluan lainnya, bahkan mereka terpaksa lari dalam keadaan sehelai sepinggang demi menyelamatkan

nyawa mereka.⁶⁶ Mereka jugalah yang merasai kesan pencerobohan hak asasi manusia, antaranya:

1. Wujudnya pelarian-pelarian yang mencari perlindungan.

Sehingga kini terdapat lebih kurang 692,000 orang menjadi pelarian yang mendiami kawasan-kawasan pelarian di dalam dan luar Maluku.⁶⁷ Kebanyakan dari mereka ialah terdiri dari golongan yang tidak berdaya seperti wanita, orang-orang tua dan kanak-kanak. Pelarian-pelarian beragama Islam kebanyakannya berada di Ternate⁶⁸, Pulau Seram, Ambon dan Utara Pulau Halmahera dan di Menado, majoriti pelariannya ialah penganut Kristian dan sedikit penduduk Islam. Keadaan di Menado adalah amat tidak tenang, peluang untuk berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini cukup besar seperti pembunuhan dan pergaduhan.⁶⁹

Pelarian Islam memilih Ternate sebagai pusat perlindungan kerana Ternate adalah pusat bagi Kepulauan Halmahera dan keduanya mempunyai pelabuhan besar berdekatan pantai sebagai kemudahan untuk melakukan perpindahan ke tempat-tempat lain. Jumlah pelarian di Ternate melebihi 100 ribu orang dan setiap hari ia bertambah. Mereka di tempatkan di mana-mana sahaja terutama gudang dan rumah-rumah peninggalan penganut Kristian,⁷⁰ di bekas padang permainan

⁶⁶ Temubual pada 11/1/2002

⁶⁷ <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corputty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002, op.cit.

⁶⁸ Temubual pada 11/1/200, Temubual dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah dan Temubual dengan Dr. H.M. Hidayat Nurwahid MA.

⁶⁹ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, *ibid*, h. 15

⁷⁰ *Ibid*.

badminton, bangsal dan apa sahaja yang boleh memuatkan pelarian Islam tersebut.⁷¹

Manakala dikalangan kanak-kanak pula, ramai yang menjadi yatim piatu dan miskin melarat. Beribu-ribu tidak bersekolah dan tidak mendapat zat makanan yang mencukupi. Anak-anak yatim dan miskin ini pula ada yang dipelihara dan diambil oleh pendita-pendita Kristian atau mana-mana pihak yang bukan Islam.⁷² Di mana terdapat lebih 1000 kanak-kanak kehilangan ayah dan ibu di Ambon dan Maluku Utara. Kesemuanya ini merupakan kesan dari konflik yang berlaku.

Anak-anak yang tidak berdosa ini terpaksa hidup dalam penderitaan, ada di antaranya yang terpisah dengan ibubapa mereka ketika tercetusnya rusuhan tersebut. Akibatnya anak-anak tadi tidak mampu kesekolah kerana walaupun mereka masih mempunyai ibu bapa, tetapi mereka telah kehilangan harta benda. Ibu bapa mereka meninggalkan rumah sehelai sepinggang menjadi pelarian demi menyelamatkan anak dan isteri. Ramai dari anak-anak ini memerlukan bantuan kerana mereka amat memerlukan kasih sayang, permainan, ingin bergembira dan ingin berseeronok, di mana keadaan telah membuatkan mereka terpaksa kehilangan kesempatan itu.⁷³

⁷¹ Temubual pada 11/1/2002.

⁷² Pamphlet Tabung Amanah Anak Yatim dan Miskin Nusantara di Malaysia.

⁷³ Ibid.

Anak-anak pelarian ini sukar untuk mengikuti pelajaran di sekolah kerana trauma yang mereka alami, program Pendidikan Alternatif Maluku tidak dapat membantu proses pemulihan mental kanak-kanak.⁷⁴

2. Masalah di penempatan pelarian

Antara kesannya lagi di kalangan pelarian ialah suasana penempatan mereka yang bukan bersuasana rumah, anak-anak tidur bergelimpangan di tengah panas, suami isteri serta anak-anak remaja, pergaulan mereka berada di luar kawalan. Fahaman Islam mereka agak terbatas, mereka tidak memahami Islam secara syumul.⁷⁵

Tempat tinggal mereka amat daif dan kekurangan makanan, ubat-ubatan, pakaian keadaan yang kotor, tiada bekalan air bersih serta pergaulan bebas telah mendedahkan pelarian Islam kepada masalah sosial yang teruk dan rosak. Ini amat membimbangkan terutama dari segi keselamatan anak-anak dan kaum wanita. Mereka terdedah kepada perlakuan sumbang dan akhlak yang tidak baik.

Masalah lain yang timbul ialah kes curi samada di kalangan sesama pelarian atau dengan penduduk setempat. Ini akibat dari bekalan makanan yang tidak mencukupi, misalnya dalam seminggu pelarian memerlukan 100 tan beras, tetapi kemampuan setakat ini hanyalah 25 tan beras sahaja, maknanya seminggu mereka makan, tiga minggu lagi mereka berlapar. Bila tidak makan, kes curi berlaku dan

⁷⁴ <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corputty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002, op.cit.

⁷⁵ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, *ibid*, h. 23

pelacuran turut berkembang.⁷⁶ Jumlah mereka yang dalam pelarian amat ramai, menyebabkan persekitaran yang tidak teratur, ubat tidak mencukupi, kebersihan tidak terjaga⁷⁷ dan berbagai-bagai keadaan yang tidak sempurna. Di samping itu banyak juga masjid-masjid yang dijadikan penempatan pelarian telah dimusnahkan dan dibakar.

Di samping itu penduduk tempatan turut tidak merasa selesa. Ini kerana masalah sosial bertambah dan berkembang disebabkan kakitangan awam dan anggota keselamatan tidak mencukupi untuk mengawal keadaan. Hak bagi penduduk tempatan mendapat jaminan keselamatan sosial, mendapatkan perlindungan bagi keselamatan maruah, hidup dan harta benda telah tiada.

3. Masalah emosi

Selain daripada itu hak individu dari segi perkembangan emosi telah terencat dan terabai perkembangannya. Dalam suasana di mana anak-anak melihat bapa mereka dibunuh di depan mata, mereka, samada yang masih kecil mahupun dewasa semuanya mengalami trauma. Misalnya, satu kes seorang pemuda yang ditikam dengan tombak tetapi tidak mati, telah dicampak dalam timbunan mayat di mana di atasnya enam lapisan mayat. Dia melihat sendiri dengan mata kepalanya bahawa puak Kristian yang menyerang, menyembelih dan memoyong anggota badan umat Islam yang telah mati. Anak-anak kecil pula diangkat, dengan kaki di atas dan kepalanya di cantas. Kemudian dicucuk dengan besi untuk dijadikan sasaran percubaan, menguji kepantasan memanah atau mengajar

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Ibid.

cara memotong mayat. Ini dilihat sendiri oleh pemuda tersebut, yang kini beliau telah berhijrah ke Jakarta setelah berbulan-bulan trauma mengigau dan meracau.⁷⁸

Suasana pelarian ini amat menyedihkan dengan berhari-hari dalam hutan belantara, anak-anak kecil yang belum mengerti apa jua disuap dengan daun-daun kayu. Ini mengakibatkan gangguan emosi, hilang semangat, tidak yakin pada diri sendiri, terlalu sensitif, cepat marah dan semua kes ini agak kronik. Keadaan dikhemah pelarian amat mendesak.⁷⁹

Kesan dari segi moral atau psikologi ini adalah amat berat bagi 150,000 penduduk Ambon. Ia bukan sahaja dideritai oleh mereka yang ahli keluarganya terbunuh hilang pekerjaan dan musnah masa depan tetapi juga dirasakan oleh mereka yang menyaksikan pembunuhan-pembunuhan kejam, di mana serangan membabi buta juga dilakukan di tempat-tempat perlindungan pelarian, tempat pelarian menerima rawatan di hospital dan lain-lain. Beban mental ini juga dialami oleh lebih kurang 5000 pelarian di Masjid al Fatah yang diserang sebanyak 3 kali berturut-turut. Ketakutan ibu dan anak-anak bukanlah suatu perkara yang mudah dilupakan.⁸⁰

Masyarakat kini semakin tidak percaya dengan usaha penyelesaian konflik yang dilakukan kerana ketidak seriusan dan tidak konsistennya pemerintah dalam

⁷⁸ Ibid, h; 24.

⁷⁹ Temubual pada 11/1/2002.

⁸⁰ Rustam Kastor, op.cit, h: 56

usaha tersebut, ada ketakutan dikalangan masyarakat Ambon dijadikan Daerah Operasi Militer dan pemahaman bahawa umat Islam dan Kristian akan saling menyerang bila Darurat Sivil yang diistiharkan pada Julai 2000, di tarik balik.⁸¹

Komunikasi sosial masyarakat tidak berjalan dengan baik, sehingga wujud perasaan saling curiga mencurigai di antara kawasan perkampungan terus ada dan ia selalu boleh dimanfaatkan oleh pihak ketiga yang mahukan konflik terus berjalan.

R.C Bishop of Amboina (Moluccas) Monseigneur P.C Mandagi MSC menyatakan bahawa penduduk Ambon berada dalam keadaan takut dan terancam terutama selepas penahanan Ja'afar Umar Thalib (Pemimpin Laskar Jihad). Wujud perasaan tidak selamat. Tokoh agama ini amat tidak menyetujui dengan tindakan anggota Laskar Jihad yang menyebabkan kerosakan dan kemusnahan kepada sesama penduduk Indonesia. Mewujudkan perasaan permusuhan, saling tidak mempercayai dan akhirnya membawa kepada pembunuhan kerana perbuatan mereka menyalahi kesetiaan mereka kepada Kesatuan Republik Indonesia.⁸²

4. Kerugian harta benda

Kerugian harta benda juga banyak dialami kesan dari pencerobohan hak asasi manusia ini. Sehingga akhir 2000, kerugian material di Kota Ambon mencapai

⁸¹ <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corporaty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002, op.cit.

⁸² <http://www.maluku2000.org/nl/default.asp?actueeloptie=nieuws&id=237> pada 18.5.2001, op.cit.

193 million rupiah, untuk kota yang sekecil itu.⁸³ Sebagai contoh, Pasar Mardika dan Batu Merah, bangunan dua tingkat, dibina pada tahun 1989, telah habis dibakar. Pasar ini merupakan tempat mencari nafkah kira-kira 1000 orang dari suku Bugis, Buton, Makassar, Jawa, Sumatera dan penduduk Muslim Maluku. Manakala disekeliling pasar terdapat penjual kaki lima yang berjumlah ratusan gerai-gerai kecil, 40 buah kenderaan awam, lebih kurang 20 buah kereta milik individu dan 30 buah motosikal, yang kesemuanya milik orang-orang Islam Ambon, turut terbakar.⁸⁴

Hampir semua rumah umat Islam telah terbakar di Kampung Waringin, Kampung Diponegoro Atas, Kampung Banda, perumahan di Daerah Ahuru, Karang Panjang dan beberapa rumah di Taman Makmur. Jumlah keseluruhannya lebih kurang 2,201 buah, di mana 1,498 buah telah dibakar hangus, 390 telah rosak teruk dan 329 rosak sedikit. Data yang didapati tidak merangkumi rumah-rumah orang Islam di perkampungan Kristian dan 80% dari rumah-rumah terbabit tidak dapat didirikan semula selagi keadaan tidak benar-benar aman.⁸⁵

5. Pembahagian wilayah Islam dan Kristian

Wilayah perkampungan di Kota Ambon sudah dibahagi dua (Islam dan Kristian) dan masyarakat pula dalam melakukan aktiviti seharian selalunya dilakukan dalam kawasan mereka sendiri seperti aktiviti ekonomi iaitu dalam mewujudkan pasar yang disebut 'pasar kaget (tiba-tiba)' iaitu pasar yang muncul

⁸³ Rustam Kastor, op.cit h: 238

⁸⁴ Ibid, h: 54-55

⁸⁵ Ibid.

mendadak di suatu daerah yang dulunya bukan pasar, wujud berdasarkan keperluan masyarakat setempat. Pengangkutan laut juga sering diserang dan ditembak yang mengakibatkan kecederaan dan kematian, pengagihan barang keperluan biasanya dilakukan di sempadan kawasan Islam dan Kristian, kini tidak dapat dilakukan lagi.⁸⁶ Dr Jemilah Mahmood juga menyatakan bahawa ketika beliau di Ambon, wujud pemisahan kawasan ini.⁸⁷ Ini berlaku pada akhir Julai 2000, bahagian umat Islam hanya sekitar 25% dari seluruh keluasan kota dan ia berada di sepanjang tepi kota mengarah ke laut. Dan mereka terpaksa membangun kemudahan umum secara darurat seperti rumah sakit, pejabat pos, bank dan lain-lain.⁸⁸

6. Kekurangan dana bagi membantu pelarian

Kekurangan dana bagi membantu pelarian-pelarian telah mengakibatkan layanan di kawasan pelarian amat dhaif.⁸⁹ Sangat sukar untuk mendapatkan bantuan kesihatan, doktor dan ubat-ubatan tidak mencukupi dan kalau adapun, masyarakat terpaksa mendapatkannya dengan harga yang mahal. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di dalam mahupun luar negara pula, sukar membantu kerana perbezaan pendekatan yang dilakukan dalam melaksanakan program bantuan kepada pelarian. Semasa Dr Jemilah Mahmood berada di Ambon, beliau menyatakan hanya terdapat sebuah hospital sahaja untuk umat Islam itupun klinik bersalin di belakang Masjid al Fatah. Di sanalah rawatan diadakan bagi mereka yang sakit, luka, cedera dan sebagainya. Dr Jemilah juga diberitahu sekiranya

⁸⁶ <http://infid.ngonet.be/infidforum2001-corputty-maluku-ind.html> pada 11.1.2002, op.cit.

⁸⁷ Suzilawati Rozainor Abas dan Jamilah Aini Mohd Rafiei, op.cit, h: 27

⁸⁸ Rustam Kastor, op.cit, h: 239

⁸⁹ Temubual pada 11/1/2002 dan Temubual dengan En Abdul Rojak.

ubat tidak mencukupi di Masjid al Fatah dan kalau diberi surat untuk membelinya di hospital-hospital bukan Islam, mereka enggan menjualnya.⁹⁰

Kesimpulannya

Tragedi Aidil Fitri di Kota Ambon pada 19 Januari 1999 bertepatan dengan 1 Syawal 1419H telah berlaku hampir tiga tahun, belum ada tanda-tanda akan berakhir bahkan cenderung semakin parah. Berbagai usaha telah dilakukan, berkali-kali persepakatan dan perjanjian damai dua pihak yang bertikai tidak bertahan lama, bahkan sebaik sahaja perjanjian di tanda tangani, rusuhan berlaku lagi. Pertikaian yang melibatkan masyarakat Ambon dan sekitarnya kini telah meluas ke mana-mana seperti Maluku Tenggara, Maluku Utara dan pulau-pulau sekitarnya. Pemerintah daerah, anggota keamanan, tokoh agama dan tokoh adat seperti kehabisan idea untuk mencari penyelesaian.

Rusuhan yang bermula dari perkelahian individu telah melarat menjadi konflik agama yang amat dahsyat. Ia melibatkan dua agama terbesar di Kepulauan Maluku iaitu Islam dan Kristian. Berdasarkan fakta, nyata bahawa konflik ini bukanlah satu yang baru berlaku hari ini tetapi ia urutan dari peristiwa dan sejarah yang panjang. Bahkan dikatakan rancangan untuk memisahkan Maluku dari Kesatuan Republik Indonesia, merupakan matlamat utama di samping menjadikannya sebagai sebuah negara Kristian merdeka dan dominan sebagaimana yang telah berlaku kepada daerah-daerah Kristian lainnya.⁹¹

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Temuramah dengan Ustaz Umar Tabii Abdullah.

Untuk mencapai matlamat itu, maka masyarakat Kristian mestilah menjadi masyarakat majoriti. Walau bagaimanapun, ia secara langsung berkait rapat dengan perancangan Barat yang mahu memporak perandakan negara-negara Islam, walau di mana mereka berada dan Barat menjadikan agama Kristian sebagai alat sahaja kerana Islam merupakan musuh Kristian dari segi agama.⁹²

Namun terdapat juga kelemahan yang nyata dikalangan masyarakat Islam sendiri, apabila kefahaman mereka terhadap Islam terlalu dangkal, sistem dakwah mereka terlalu mudah ditembusi, kesilapan dalam mengamalkan budaya '*pela gandong*', toleransi agama yang keterlaluan dan budaya hidup yang tidak syumul dalam mengamalkan Islam, menjadikan mereka mudah dicerobohi. Di samping tekanan politik dan diskriminasi dalam memberikan kemudahan infrastruktur yang diamalkan oleh golongan pemerintah terhadap sebahagian penduduk, juga sistem ekonomi yang merudum menambah burukkan lagi keadaan.

Peralihan zaman pemerintahan diktator Presiden Suharto kepada Presiden Habibie pada tahun 1998, di mana Presiden Habibie yang didukung oleh golongan Islam moden,⁹³ telah membawa era baru kepada sistem pemerintahan demokrasi, juga telah menyumbang wujudnya konflik, membuka peluang kepada golongan pendukung Republik Maluku Selatan berusaha untuk membuka semula cita-cita mereka. Ditambah pula, selepas turunnya Presiden Habibie dan di ganti oleh Presiden Abdul Rahman Wahid yang menyatakan dengan jelas pada kunjungannya ke Ambon pada 12 Disember 1999, bahawa kerusuhan Ambon

⁹² Ibid.

⁹³ R. William Liddle, op.cit, h: 36

hanya dapat diselesaikan oleh penduduk Ambon sendiri, telah meluaskan lagi pembunuhan dan pencerobohan hak asasi penduduk Ambon kerana kedua-dua belah pihak berpendapat itulah cara mereka menyelesaikan konflik mereka.

Dengan jatuhnya Presiden Abdul Rahman Wahid, dipilih pula Megawati Soekarnoputri yang di sokong kebanyakannya oleh penduduk bukan Islam (Kristian mendominasi) di bawah parti PDI-P, sebagai Presiden, juga belum menampakkan tanda-tanda konflik ini akan selesai. Ini kerana golongan bukan Islam, tidak beragama dan golongan tradisional yang berada di bawah parti PDI-P pimpinan Presiden Megawati takut dan bimbang golongan Islam moden akan menukarkan Indonesia kepada sebuah negara Islam sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Masyumi pada tahun 1950an dahulu⁹⁴. Namun usaha sedang dilakukan di peringkat pemerintah pusat di Jakarta, bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.

Pencerobohan hak asasi manusia terjadi terutama keatas penduduk yang terlibat secara langsung dalam konflik, yang paling menderita ialah wanita, kanak-kanak, orang tua dan penghuni penempatan pelarian. Hak penduduk untuk hidup telah dinafikan, dibunuh dengan berbagai cara, mayat mereka dieksploitasi, hak kebebasan dalam beragama dan mengamalkannya secara aman tidak wujud. Hak-hak sosial telah dicabuli seperti hak untuk mendapat pendidikan yang sempurna, hak mendapat tempat tinggal dan kemudahan awam dihapuskan.

⁹⁴ Ibid.

Wanita dan anak-anak gadis diperkosa sesuka hati, semuanya ini kesan dari konflik yang mengerikan itu.

Kesan yang timbul merupakan kesan jangka panjang, di mana pelarian-pelarian akan menjadi penghuni penempatan pelarian dalam jangka waktu yang belum tentu, emosi dan psikologi mereka akan sentiasa terganggu, kerugian harta benda suatu yang tidak dapat dinilai malahan memakan masa yang lama untuk mendapatkannya semula dan kemungkinan besar akan menghasilkan pembahagian wilayah diantara dua pihak yang terlibat dengan konflik. Kesemua kesan ini mungkin akan menjadikan Wilayah Kepulauan Maluku terbelah dua, menghasilkan dua budaya, dua agama, dua wilayah dan sebagainya. Persefahaman dan perpaduan di bawah pancasila, yang cuba dibina sekian lama akan musnah.

Dengan sebab inilah, di dalam bab seterusnya, penulis akan menerangkan mengenai rumusan keseluruhan persoalan hak asasi manusia dan praktikalitinya di Maluku sebagaimana yang digembar gemburkan dalam pancasila Indonesia yang kedua iaitu kemanusiaan yang adil dan beradab serta kelima keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia. Di samping itu, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan bagi menyelesaikan konflik yang masih berlarutan hingga kini.